

## SEMINAR KEIBUBAAPAN 2002

### CABARAN KEIBUBAAPAN DALAM ARUS GLOBALISASI

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak jawatankuasa penganjur yang sudi menjemput saya untuk memberikan ucap utama sempena Majlis Perasmian Seminar Keibubapaan 2002 anjuran Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPsiKS) dengan kerjasama Kelab KESUMBA (Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah). Bagi pihak universiti, saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah di atas komitmen dan kesungguhan yang diberikan oleh SPsiKS, KESUMBA, dan semua ahli jawatankuasa pelaksana yang telah menjayakan seminar yang cukup penting ini terutama dalam konteks globalisasi yang dihadapi masa kini.

Bagi pihak universiti juga, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian YB Datuk Surinam Sadikun, Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal-Ehwal Pengguna, negeri Sabah, mewakili YB Datuk Raymond Tan, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal-Ehwal Pengguna Negeri Sabah yang sudi hadir meluangkan masa dan seterusnya merasmikan seminar ini walaupun YB sentiasa mempunyai jadual kerja yang cukup ketat.

#### Pengenalan

Malaysia sedang menuju ke arah pembangunan yang pesat melalui proses modenisasi, urbanisasi dan industrialisasi, yang membawa kepada pencapaian sosial dan transformasi ekonomi. Rancangan Malaysia Kelapan (RM 8) memberi fokus kepada pendekatan pembangunan holistik. Teras utamanya ialah membina rakyat yang mempunyai daya saing dan daya tahan, memupuk semangat kebangsaan, memelihara kematangan politik, bertoleransi dan melahirkan masyarakat penyayang dengan nilai positif. Selain itu ia bertujuan meningkatkan kualiti kehidupan dengan memperbaiki dan meningkatkan ketahanan ekonomi.

Keibubapaan merupakan salah satu aspek yang diberi keutamaan. Ia merangkumi kedua-dua aspek pendidikan formal dan tidak formal, iaitu kumpulan sasaran utamanya adalah keluarga, remaja, guru-guru dan masyarakat pada keseluruhannya.

#### Definisi Keibubapaan

Apakah yang dikatakan keibubapaan? Keibubapaan ialah suatu proses yang melibatkan interaksi di antara ibu bapa dengan anak-anak. Keberkesanan dalam proses ini sangat penting kerana ia mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Kaedah yang digunakan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak mempengaruhi perwatakan anak. Tiada satu kaedah yang terbaik dalam keibubapaan. Suasana persekitaran dalam rumah di samping cara gaya asuhan kanak-kanak adalah penting bagi perkembangan personaliti dan sosialisasi kanak-kanak.

#### Perubahan dan Cabaran Institusi Keluarga

Kaedah keibubapaan yang dipraktikkan oleh ibu bapa dalam era globalisasi telah dipengaruhi oleh perubahan dan cabaran keluarga masa kini. Apakah perubahan-perubahan dan cabaran-cabaran tersebut? Dengan pembangunan pesat ekonomi dan urbanisasi, perubahan pesat telah berlaku dalam masyarakat Malaysia terutamanya di sektor bandar. Perubahan ini merangkumi pengecilan saiz keluarga, perubahan sistem keluarga luas atau *extended family* kepada keluarga nuklear, peningkatan penglibatan kaum wanita dalam pasaran buruh dan peningkatan kadar penceraian.

Data demografik menunjukkan bahawa keluarga di bandar mempunyai saiz kecil, iaitu puratanya sebanyak 2.4 anak berbanding 4.1 anak bagi keluarga di luar bandar. Beberapa faktor menyumbang kepada kemerosotan kadar kelahiran terutamanya di bandar. Pendidikan dan pengetahuan ibu bapa mengenai penjagaan anak memberi kesedaran bahawa kekerapan melahirkan anak menjejaskan kesihatan ibu dan anak. Tambahan pula, peningkatan isu sosial masa kini mengutarakan banyak cabaran terhadap anak yang memerlukan penyeliaan dan perlindungan anak. Beban kewangan dalam memberikan pendidikan anak menjadi faktor penghalang untuk memiliki keluarga yang ramai. Kebanyakan ibu yang bekerja juga tidak mahu anak-anak yang ramai. Malah, sesetengah wanita lewat memulakan alam keluarga bagi membolehkan mereka mengukuhkan profesion. Inilah faktor yang menyebabkan terbentuknya keluarga yang kecil.

Walau bagaimanapun, keluarga luas mempunyai kebaikannya. Terdapat bukti perubahan daripada *extended family* kepada *nuclear*. Keluarga luas dapat membantu mengurangkan tekanan kemiskinan di kalangan ibubapa tunggal. Sokongan sosial, emosi dan kewangan dapat mengurangkan kadar *devian* remaja seperti ponteng sekolah, lari dari rumah, merokok dan masalah disiplin di sekolah.

Penglibatan wanita dalam tenaga buruh meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ramai ibu yang bekerja untuk memenuhi keperluan ekonomi, membentuk kualiti kesejahteraan kehidupan kepada keluarga. Sementara ibu-ibu yang berkedudukan tinggi mencari pekerjaan untuk kepuasan diri dan penyempurnaan sendiri.

Fenomena ibu bekerja menyumbang kepada banyak permasalahan sosial yang memberi kesan kepada institusi kekeluargaan. Oleh itu, ia memerlukan beberapa khidmat sokongan seperti kaunseling, bekerja *flexi-hours*, kemudahan jagaan anak-anak dan kemudahan-kemudahan lain bagi membolehkan ibu yang bekerja memastikan keberkesanan peranan mereka sebagai isteri, ibu dan pekerja.

Salah satu isu utama yang memberi kesan ke atas keluarga dalam negara membangun ialah peningkatan dalam perceraian. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan fenomena ini tidak berlaku di Malaysia. Bertentangan dengan persepsi umum, kadar perceraian berkurangan, kerana masyarakat Malaysia mempunyai kestabilan perkahwinan. Punca perceraian yang mempengaruhi keluarga dan anak-anak adalah pelbagai. Ia merupakan transisi beberapa peristiwa seperti perubahan tempat tinggal, kesempitan sumber kewangan, peranan dan tanggungjawab keluarga. Kajian di UMS melaporkan bahawa tekanan yang dialami akibat daripada perceraian dan perpecahan keluarga ada hubungannya dengan faktor sosial, emosi dan kesan kognitif yang negatif terhadap perkembangan kanak-kanak dan seterusnya melibatkan tingkah laku *devian* di kalangan remaja.

Penting bagi ibu bapa menyedari tentang kepentingan pembangunan keluarga dalam konteks arus globalisasi. Jika ahli-ahli keluarga kuat dan mempunyai daya tahan, masyarakat juga akan kuat dan berdaya tahan. Keluarga dan masyarakat perlu mempunyai kekuatan bagi membolehkan mereka mencapai agenda sosial dalam memupuk masyarakat yang penyayang dan sistem keluarga yang kental berlandaskan kepada kepercayaan agama dan etika. Keluarga di Malaysia perlu bersedia mengharungi globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Kini pengetahuan dan maklumat dapat diperolehi secara pantas melalui *press of a button*. Senario ini mempunyai implikasi positif atau negatif ke atas keluarga dan masyarakat. Ia juga bergantung kepada tahap kesedaran seseorang dan persediaan untuk menghadapi cabaran pada hari muka.

Sebagai contoh, data statistik yang ditunjukkan di bawah ini yang diambil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan kes-kes sosial yang melibatkan keluarga dan kanak-kanak:

**Jadual 2. Kes Dera Kanak-kanak Mengikut Jenis dan Jantina**

Jenis Penderaan	1998			1999			2000		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J
Terbiar	55	28	83	68	38	106	50	21	71
Kecuaian	131	121	252	129	121	250	99	84	183
Fizikal	244	245	489	213	200	413	175	187	362
Seksual	17	263	280	13	278	291	24	234	258
Emosi/Psikologi	6	30	36	3	14	17	3	21	24
Lain-lain	8	13	21	19	11	30	12	24	36
<b>Jumlah</b>	<b>461</b>	<b>700</b>	<b>1,161</b>	<b>445</b>	<b>662</b>	<b>1,107</b>	<b>365</b>	<b>571</b>	<b>934</b>

**Jadual 3. Kes Juvena Mengikut Jenis dan Jantina**

Jenis Kesalahan	1998			1999			2000		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J
Harta Benda	3,865	85	3,950	3,717	73	3,790	3,316	85	3,401
Individu	579	7	589	494	4	97	457	10	467
Seksual	84	0	84	82	2	84	98	0	98
Dadah	544	15	559	420	8	428	421	21	442
Berjudi	134	5	139	84	4	88	89	9	98
Senjata Api	6	0	56	47	0	47	58	1	59
Kesalahan Trafik	510	121	522	423	4	427	384	5	389
Senjata Berbahaya	2	3	55	38	1	39	38	0	38
Lain-lain	336	51	387	251	49	300	260	32	292
<b>Jumlah</b>	<b>6,160</b>	<b>178</b>	<b>6,338</b>	<b>5,555</b>	<b>145</b>	<b>5,700</b>	<b>5,121</b>	<b>163</b>	<b>5,284</b>

### Matlamat Keibubapaan

Apakah yang diinginkan oleh keluarga terhadap anak mereka? Meskipun terdapat perbezaan nilai dan budaya, namun terdapat matlamat umum keibubapaan. Pertama, ibu bapa inginkan anak-anak mereka berdikari dan sihat fizikal, mental dan emosinya. Kedua, mereka berharap anak-anak mereka mempunyai keupayaan mencapai *self-sufficient* dari aspek ekonomi. Akhir sekali, ibu bapa ingin anak-anak mereka memiliki matlamat hidup ke arah pencapaian, kepercayaan agama dan kepuasan diri. Dari segi budaya, ibu bapa ingin mengajar anak-anak mereka meneruskan tradisi sosial, dan bersedia menghadapi serta mengubah masa depan mereka.

Ibu bapa berharap anak-anak mereka menjadi manusia yang bersaing di setiap peringkat kehidupannya. Anak-anak diharap berkembang dari segi penghargaan sendiri, kebebasan dan mempunyai tanggungjawab sosial. Isu-isu asuhan atau didikan anak dapat diselesaikan sekiranya ibu bapa berlandaskan kepada matlamat budaya, persekitaran sosial dan sistem kepercayaan.

### Permulaan Keibubapaan Yang Baik

Keibubapaan mesti bermula daripada ibu bapa itu sendiri. Mereka perlu bersedia sebelum mengambil peranan yang sangat penting ini. Peranan keibubapaan sepatutnya bermula sebelum ibu bapa melangsungkan perkahwinan. Sebagai ibu bapa kita perlu mengambil peranan dan tanggungjawab mendidik anak dengan sempurna, mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menjamin kesihatan fizikal dan mental. Ibu bapa juga perlu menanamkan nilai-nilai dan sifat-sifat murni, berdisiplin, kasih sayang dan taat setia kepada ibu bapa.

Kajian kes kaunseling mendapati secara psikologi, anak-anak yang menerima kasih sayang mencukupi akan mempunyai perasaan selamat (*psychological safety*). Keselamatan psikologi ini boleh diberikan oleh ibu bapa. Anak yang dilahirkan tidak mengetahui cara untuk memberi kasih sayang, tetapi mempunyai harapan tinggi untuk disayangi. Kajian juga menunjukkan yang kebanyakan bayi tanpa diberi kasih sayang hidupnya akan malap dan mati serta membentuk personaliti yang lemah.

Anak-anak banyak meniru daripada apa yang ibu bapa lakukan. Mereka akan merefleksikan apa yang kita fikir, bagaimana kita menyayangi mereka, apa yang dihargai, bagaimana kita menyelesaikan masalah, apa perasaan kita dan bagaimana kita berhubung dengan orang lain di sekeliling. Kita mengajar penghargaan sendiri kepada anak-anak pada setiap masa. Oleh itu, untuk menjangka hasil yang baik daripada anak-anak, jadikan diri sebagai yang terbaik. Dengan itu anak-anak akan mempelajari yang terbaik daripada kita.

Salah satu kemahiran yang amat diperlukan untuk memperbaiki perhubungan ibu bapa dengan anak-anak ialah dengan memberi galakan. Galakan adalah satu proses di mana ibu bapa memberi perhatian kepada kelebihan dan kekuatan anak bagi membina keyakinan dan harga diri. Galakan juga membantu anak percaya kepada diri sendiri dan kebolehan menerima dan memperbaiki kesilapan.

Sebagai seorang anak, kita tidak ada pilihan mengenai bagaimana kita dididik. Sebagai ibu bapa, kita mesti belajar bagaimana mendidik anak daripada keluarga kita sendiri. Kita mendidik dengan menunjukkan contoh yang baik. Jika ibu bapa berupaya menyenaraikan nilai-nilai murni dan perasaan kasih sayang yang berkesan kepada anak-anak, maka anak akan berkembang dengan sihat dan bersifat yakin diri.

Manusia banyak membuat kesilapan. Ibu bapa belajar daripada kesilapan ini. Untuk menjadi ibu bapa yang prihatin, kita perlu mempelajari kaedah yang baru, pindahkan ilmu didikan anak yang berkesan kepada anak-anak. Pemupukan kasih sayang di peringkat awal kanak-kanak merupakan batu asas dalam menjana kehidupan anak-anak dan membentuk kekuatan dalaman, sebelum pengaruh dunia luar mempengaruhi mereka.

Peribahasa mengatakan, *an ounce of prevention is worth more than a pound of cure*, merujuk kepada pembinaan *self-esteem* anak. Sebagai ibu bapa kita harus memulakan atau menunjukkan caranya jika kita ingin anak lakukan mengikut cara kita. Jika kita menghormati dan menerima mereka, mereka akan belajar untuk menghormati dan menerima orang lain. Ibu bapa adalah sebagai cermin kepada anak-anak. Apa yang kita tunjukkan kepada anak-anak akan menjadi asas kepada imej sendiri mereka. Ia mempengaruhi setiap aspek dalam kehidupan mereka.

Di samping kesihatan fizikal, perkara utama dalam peranan keibubapaan yang perlu diberi perhatian ialah perkembangan penghargaan sendiri anak. Penghargaan sendiri ini berkembang melalui kualiti perhubungan antara anak-anak dengan mereka yang sangat penting dalam hidup mereka. Anak-anak mencontohi remaja dan orang dewasa dalam persekitarannya.

### Kemahiran dan Perkembangan

Hidup berinteraksi secara bijak dalam masyarakat merupakan suatu keperluan dalam era globalisasi. Lantaran itu, kebanyakan ibu bapa yang prihatin terhadap senario ini akan dapat melihat dan mempersoalkan aspek-aspek sosial atau persekitaran anak-anak mereka. Kajian yang dijalankan oleh sekumpulan kakitangan di Pusat Kajian Perkembangan Otak Kanak-kanak, *Institute for the Achievement of Human Potential*, Amerika Syarikat yang diketuai oleh Dr. Neil Harvey, menyatakan bahawa terdapat tiga keadaan atau persekitaran yang paling dominan dan berkaitan dalam mempengaruhi perkembangan mental atau akademik dan fizikal kanak-kanak. Tiga aspek tersebut ialah:

- i. Hubungan sosial kanak-kanak (*social relationship*).
- ii. Kesukanan atau persekitaran permainan kanak-kanak (*sports*).
- iii. Persekitaran aktiviti atau kerja sekolah (*school work*).

Ibu bapa juga seharusnya mengetahui bakat atau kemahiran semulajadi yang ada pada anak-anak mereka bermula sejak kecil lagi. Apabila bakat semula jadi ini dapat dikenal pasti, maka mudah bagi ibu bapa mengembangkan dan mempertingkatkan dengan kemahiran lain dalam proses tumbesaran. Mengikut kajian tersebut juga, lazimnya kanak-kanak mempunyai tiga kemahiran utama dalam proses awal perkembangan kanak-kanak, iaitu:

- i. Kemahiran sosial (*social skills*).
  - kemahiran berinteraksi dengan rakan sebaya, guru di sekolah mahupun ibu bapa sendiri.
- ii. Kemahiran intelektual (*intellectual skills*).
  - kemahiran menguasai pelajaran di bangku sekolah. Kemahiran ini selalunya akan disertai dengan kemahiran mendengar dan membaca yang baik di kalangan kanak-kanak.
- iii. Kemahiran fizikal (*physical skills*).
  - kemahiran ini melibatkan keupayaan kanak-kanak bertindak secara aktif dan agresif seperti aktif bersukan.

Selain itu, dua kemahiran lain yang juga dapat dilihat dalam proses perkembangan kanak-kanak iaitu *musical skills* dan *artistic skills*. Namun, kemahiran ini bukanlah perkara lazim yang biasa terdapat dalam proses perkembangan kanak-kanak.

Ringkasnya, seorang ibu bapa perlu mempunyai daya sensitiviti yang tinggi terhadap perkembangan minda anak-anaknya. Menurut rumusan daripada kajian yang saya sebutkan tadi, terdapat enam bentuk atau orientasi pertumbuhan dan perkembangan otak atau minda kanak-kanak iaitu:

- i. *Visual brain growth and development*.
  - perkembangan dan pertumbuhan minda berorientasikan daya penglihatan.
- ii. *Auditory brain growth and development*.
  - perkembangan dan pertumbuhan minda berorientasikan daya pendengaran.

- iii. *Tactual brain growth and development.*
  - perkembangan dan pertumbuhan minda berorientasikan daya ketangkasan/kepintaran.
- iv. *Mobility brain growth and development .*
  - perkembangan dan pertumbuhan minda berorientasikan daya pergerakan/mobiliti
- v. *Language brain growth and development.*
  - perkembangan dan pertumbuhan minda berorientasikan daya bahasa/komunikasi.
- vi. *Manual brain growth and development.*
  - perkembangan dan pertumbuhan minda secara biasa/rutin/tradisi seperti makan, minum, bermain dalam lain-lain.

### Pembentukan Peribadi Kanak-kanak

Adalah penting menumpukan pengajaran kita kepada anak-anak dalam aspek pembentukan peribadi. Secara definisinya, peribadi yang baik adalah ke arah motivasi untuk melakukan sesuatu yang betul. Ia merujuk kepada piawai tingkah laku yang tinggi dalam setiap keadaan. Ia adalah peribadi seseorang yang melibatkan keputusan untuk bertindak atau membuat pilihan. Biasanya, kecemerlangan peribadi membawa kepada kecemerlangan individu.

Bagi mereka yang beragama Islam, kaedah pembentukan peribadi anak ada dihuraikan dalam al-Quran. Misalnya, untuk menyatakan seseorang yang berjaya, Allah SWT dengan jelas menegaskan beberapa peribadi seperti yang terkandung dalam Surah 64 ayat 15, iaitu:

*Sesungguhnya harta benda dan anak-anak kamu itu merupakan ujian kepada kamu, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.*

Manakala di dalam Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim berbunyi:

*Semua bayi dilahirkan dalam keadaan fitrah – suci murni, maka ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi, atau Kristian atau Majusi... .*

Semua ini menjelaskan betapa pentingnya kaedah dalam pembentukan peribadi seseorang anak itu diambil perhatian. Kaedah mudah ialah dengan memberi pujian kepada anak yang berperibadi baik, apabila anak-anak menyempurnakan sesuatu, dan tidak pada pencapaiannya. Pujian terhadap anak-anak dan remaja akan melahirkan harga diri yang tinggi dan bangga terhadap diri sendiri.

Menjadi ibu bapa adalah satu peranan yang mulia, menarik dan mencabar. Pada masa yang sama, ia dapat memenuhi kehendak naluri, keperluan emosi dan status diri. Namun, mendidik anak-anak masih menjadi satu tugas berat dan amat mencabar terutamanya dalam era globalisasi ini. Pertimbangan seperti nilai-nilai keibubapaan yang patut diajar, siapa yang harus mengajar, di mana dan kaedah mendidik anak-anak perlu diambil kira. Keibubapaan yang berkesan boleh menjalinkan hubungan yang baik di antara ibu bapa, pendidik dan anak-anak serta menggalakkan suasana keluarga sejahtera di mana semua individu di dalamnya dapat mencapai potensi tinggi untuk menjadi lebih produktif.

### Penutup

Begitulah sedikit sebanyak idea dan pendapat yang mampu saya berikan dengan tajuk yang diberikan, iaitu 'Cabaran Keibubapaan Dalam Arus Globalisasi'. Semoga sedikit sebanyak kita dapat berkongsi ilmu pengetahuan dalam usaha kita sebagai ibu bapa untuk membangun dan memajukan diri, anak-anak dan keluarga yang disayangi.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur, iaitu SPsiKS dengan kerjasama Kelab KESUMBA, yang sudi menjemput saya membentangkan tajuk kertas kerja ini.

Kepada semua peserta, saya mengucapkan selamat berseminar dan capailah ilmu pengetahuan sebanyak mungkin bagi membantu diri, anak-anak dan keluarga kita untuk terus hidup aman, harmoni dan maju jaya. Saya mendoakan semoga kita semua memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat sebagai ibu bapa yang cemerlang diri dan keluarga.

---

*Ucapan di Seminar Keibubapaan 2002 di Galeri Aras 3, Bangunan Canselori pada 9 Mac 2002.*